



Lembaran Pendedahan Produk

TokioMarine TenangCare



Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Tokio Marine TenangCare. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini akan memberi pampasan kepada anda sekiranya berlaku kematian, hilang upaya kekal atau elaun tunai kemasukan ke hospital akibat kemalangan.

Selain itu, kami akan membayar pampasan sekali gus sekiranya anda disahkan menghidap demam denggi, termasuk elaun perkabungan untuk kematian akibat demam denggi.

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau demam denggi, kami akan membayar kepada benefisiari yang dinamakan atau wakil diri anda yang sah.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jadual Perlindungan adalah seperti di bawah:

Perlindungan	Jumlah yang Diinsuranskan
1. Kematian Akibat Kemalangan	RM50,000
2. Hilang Upaya Kekal	RM50,000
3. Elaun Perkabungan (kematian akibat demam denggi)	RM50,000
4. Elaun Tunai Kemasukan Hospital (akibat kemalangan) Sehingga 50 hari / RM5,000 setahun polisi	RM100 sehari
5. Elaun Demam Denggi	RM1,000 setahun polisi

Note : a. Sila rujuk skala pampasan untuk Hilang Upaya Kekal di dalam kontrak polisi.

b. Perlindungan di bawah polisi ini akan terbatal dan tamat secara automatik jika jumlah penuh di bawah manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal atau Elaun Perkabungan (kematian akibat demam denggi) telah dibayar di bawah polisi.

c. Perlindungan Elaun Demam Denggi adalah untuk 1 kejadian setahun polisi sahaja.

3. Berapa premium yang perlu saya bayar?

Premium polisi ini ialah RM75.

Jika anda menggunakan Baucar Perlindungan Tenang (BPT), anda perlu membayar RM5 tunai atau setara tunai sebagai premium, baki premium RM70 akan ditolak secara automatik daripada baucar.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Cukai Perkhidmatan : Tidak dikenakan (dengan Baucar Perlindungan Tenang) 6% daripada premium (tanpa Baucar Perlindungan Tenang)
- Duti Setem : Tiada
*Sila ambil perhatian bahawa bayaran duti setem untuk premium tahunan tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2025. Walau bagaimanapun, duti setem RM10 perlu dibayar mulai 1/1/2026.
- Komisen yang dibayar kepada Pengekar Perlindungan Tenang (jika ada): 25% daripada premium atau RM _____

5. Apakah terma dan syarat utama yang patut saya ketahui?

- Had Usia : 18 tahun hingga 70 tahun
- Had agregat maksimum bagi setiap kenderaan tidak boleh melebihi RM3 juta bagi semua Orang Yang Diinsuranskan yang menaiki satu pesawat atau kenderaan pengangkutan darat atau air yang sama.
- **Kepentingan Pendedahan**
 - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon untuk Insurans ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak memberi gambaran yang salah ketika menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini). Anda mesti menjawab soalan dengan lengkap dan tepat.
 - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau pembatalan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami.

- Selain menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau ketika anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang diketahui mempunyai kaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta sekiranya sebarang maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- **Pampasan**
- Kami akan membayar pampasan atas kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) mengikut “Jadual Pampasan Hilang Upaya Kekal” yang dilampirkan pada polisi

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan atau diakibatkan oleh:

- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaannya
- Kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi daripadanya
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada
- Tindakan jenayah
- Risiko perang dan perikatan
- Kemalangan radioaktif dan bahan senjata nuklear
- Aktiviti sukan berbahaya
- Penyakit, jangkitan melainkan penyakit yang dinamakan secara khusus di bawah Elaun Perkabungan & Elaun Demam Denggi akan dilindungi dalam keadaan tertentu.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memaklumkan Kami secara bertulis melalui e-mel atau surat. Premium yang telah dibayar tidak akan dipulangkan dan semua perlindungan akan berhenti berkuat kuasa dengan serta-merta

Walau bagaimanapun, jika anda ingin membatalkan polisi dalam tempoh 15 hari dari Tempoh Berfikir dari tarikh kuat kuasa perlindungan anda, kami akan memulangkan RM5 kepada anda dan memulangkan RM70 kepada pentadbir berkaitan yang dilantik untuk mengurus Baucar Perlindungan Tenang (BPT) dengan syarat tiada tuntutan dibuat dan anda dibenarkan menggunakan semula Baucar Perlindungan Tenang (BPT) sebelum 31 Disember 2022 untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang lain.

Jika anda telah membayar premium menggunakan tunai atau cara alternatif selain daripada Baucar Perlindungan Tenang dan anda ingin membatalkan polisi dalam tempoh 15 hari dari Tempoh Berfikir dari tarikh kuat kuasa perlindungan anda, kami akan memulangkan keseluruhan premium yang anda telah bayar dengan syarat tiada tuntutan dibuat.

Tiada pembatalan jika anda telah membuat tuntutan dalam 15 hari Tempoh Berfikir.

8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan terhadap maklumat hubungan saya?

Penting untuk anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan terhadap maklumat hubungan anda untuk memastikan semua anda menerima semua komunikasi pada masanya. Anda boleh memberikan butiran terkini anda melalui ejen sah kami, pejabat cawangan atau khidmat pelanggan kami.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Kemalangan Diri kami yang lain, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau Penganjur Perlindungan Tenang anda atau kunjungi laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Perlindungan Kemalangan Diri serupa yang turut ditawarkan

- Tokio Marine PremierUltra PA

NOTA PENTING

Anda dinasihatkan untuk mengambil perhatian tentang skala manfaat kematian dan hilang upaya dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan penama dan memastikan penama anda mengetahui tentang polisi kemasalahan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau menghubungi kami terus untuk mendapatkan maklumat lanjut. Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 15/07/2022

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.